



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN AKADEMIK (KONTRAK) TAHUN 2023

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempelawa para pemohon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di UPSI bagi tahun 2023. Jika anda seorang yang berkelayakan, komited dan pro-aktif untuk bersama kami menuju ke arah kebitaraan dan kecemerlangan pendidikan, berikut adalah kekosongan jawatan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

BIL	JAWATAN	GREED & TARAF	Fakulti	Bidang	Kriteria Pemilihan
1.	Guru Bahasa	DG41 (Kontrak)	Fakulti Bahasa dan Komunikasi	Bahasa Cina	Mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang berkaitan.

GAJI DAN KEMUDAHAN ELAUN

GREED JAWATAN	GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM	IMBUHAN TETAP DAN ELAUN SARA HIDUP						
Guru Bahasa Gred DG41	RM 2,188.00 – RM 9,552.00 Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) RM 225.00	<table border="0"> <tr> <td>Imbuhan Tetap Keraian</td> <td>RM 300.00</td> </tr> <tr> <td>Imbuhan Tetap Perumahan</td> <td>RM 300.00</td> </tr> <tr> <td>Elaun Bantuan Sara Hidup</td> <td>RM 150.00</td> </tr> </table>	Imbuhan Tetap Keraian	RM 300.00	Imbuhan Tetap Perumahan	RM 300.00	Elaun Bantuan Sara Hidup	RM 150.00
Imbuhan Tetap Keraian	RM 300.00							
Imbuhan Tetap Perumahan	RM 300.00							
Elaun Bantuan Sara Hidup	RM 150.00							

SYARAT-SYARAT UMUM

- Warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf denganya oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS

1. JAWATAN: GURU BAHASA GREED DG41 (KONTRAK)

Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON

Pemohon Warganegara hendaklah mengisi semua maklumat yang diperlukan dalam Sistem Online di pautan myjobs.upsi.edu.my

PENTING :

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklumbalas dari UPSI dalam tempoh **enam (6) bulan** selepas tarikh tutup, permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

14 November 2023

**SKIM PERKHIDMATAN
GURU BAHASA**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI	:	DG41, DG44, DG48, DG52, DG54
TARIKH KUAT KUASA	:	1 JULAI 2016

SYARAT LANTIKAN	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,289.73).
SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU	2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
PENETAPAN GAJI PERMULAAN	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN	4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN	5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA	6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah: (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN GAJI TAHUNAN	8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI	9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DG44**

10. Guru Bahasa Gred DG41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DG48**

11. Guru Bahasa Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG48 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DG52**

12. Guru Bahasa Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG52 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DG54**

13. Guru Bahasa Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG54 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

14. Guru Bahasa Gred DG54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Guru Bahasa yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2013).